

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI UPACARA PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
INDUSTRI KAMPUNG DAN KARYANEKA

TEMPAT: DEWAN CANSELOR TUN ABDUL RAZAK U.K.M., BANGI

TARIKH: 27 MAY 1983

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Datuk Sanusi Junid,
Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian
Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana menjemput saya dan
isteri ke majlis ini, dan di atas penghormatan yang
diberikan kepada saya untuk melakukan upacara pelancaran
Kempen Kesedaran Rancangan Pembangunan Industri Kampung dan
Karyaneka.

2. Salah satu matlamat utama Kerajaan ialah untuk
meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Matlamat ini
boleh kita capai melalui program-program yang boleh membuka
peluang-peluang pekerjaan, mempelbagaikan aktiviti ekonomi
luar bandar dan menambahkan pendapatan. Sejak kita mencapai
kemerdekaan, Kerajaan telah memberikan perhatian yang berat
kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.
Berbagai program telah diadakan dan banyak peruntukan telah
dibelanjakan oleh kerajaan di dalam projek-projek
pembangunan luar bandar. Kesungguhan Kerajaan untuk
mempertingkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar dan
rakyat amnya adalah jelas. Kita bersyukur ke hadrat Allah
Subhanahu Wataala kerana usaha-usaha yang telah kita
jalankan selama ini telah memberi manfaat kepada kita.

3. Walaupun kita terpaksa menghadapi zaman kemelesetan,
tetapi ekonomi negara kita masih kukuh berbanding dengan
negara-negara lain. Namun demikian, kita tidaklah boleh
berpuas hati dengan pencapaian kita setakat ini. Banyak
usaha-usaha yang harus dibuat, dan banyak lagi bidang-bidang
ekonomi yang harus diterokai, bagi memperbaiki taraf hidup
kita, terutama bagi kalangan masyarakat luar bandar.

4. Kawasan luar bandar kita adalah kaya dengan berbagai
sumber alam seperti rotan, buluh, kayu, tanah liat, pandan,
mengkuang dan sebagainya. Di samping itu masyarakat luar
bandar, terutamanya masyarakat bumiputra memang sudah
terkenal dengan kemahiran tangan. Tidak dapat dinafikan
masyarakat kita adalah masyarakat yang berjiwa seni dan
berkemahiran. Tetapi kedua-dua sumber tersebut, iaitu
sumber-sumber alam dan kemahiran yang sedia ada, masih belum

digunakan sepenuhnya ke arah usaha-usaha yang menguntungkan sebagai salah satu kegiatan ekonomi yang boleh mendatangkan punca pendapatan, dan seterusnya yang boleh memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar. Kesedaran masyarakat terhadap nilai ekonomi yang ada pada sumber-sumber alam di sekitar mereka masih pada tahap yang rendah, dan akibatnya pertumbuhan ekonomi di luar bandar masih di tahap yang rendah

5. Selama ini memang telah ada usaha-usaha menggunakan sumber-sumber alam ini sebagai salah satu aktiviti ekonomi luar bandar, tetapi ianya terbatas kepada penggunaan dan pasaran tempatan yang terbatas. Kegiatan-kegiatan ekonomi ini diusahakan dengan tidak membuat perkiraan tentang keperluan pasaran, selera dan permintaan semasa dalam konteks ekonomi moden. Dalam keadaan ini, prospek hasil kemahiran tangan kita tidaklah seberapa. Dengan keadaan yang berubah, kita harus melihat industri kampung dalam konteks yang baru dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai punca pendapatan dan ekonomi yang mempunyai potensi yang lebih luas iaitu pasaran dunia. Yang penting sekarang ialah menyusun industri kampung bagi menepati keadaan dan permintaan baru. Banyak negara yang sedang membangun seperti Negeri Thai, Indonesia, dan Filipina, dan begitu juga negara-negara yang maju seperti Jepun, telah dapat menjadikan kegiatan di kampung-kampung sebagai salah satu kegiatan ekonomi yang utama dan penting. Kegiatan-kegiatan ini juga bukan saja telah memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada sebahagian besar penduduk-penduduk di luar bandar, malah ia telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan pendapatan negara-negara tersebut dengan pengeluaran secara besar-besaran untuk dieksport ke negara-negara lain.

6. Kerajaan sekarang sedang menjalankan usaha untuk menggalakkan pembukaan dan pembangunan industri-industri kampung yang lebih tersusun. Usaha-usaha ini akan diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, bersama agensi-agensi berkenaan yang lain, termasuk Agensi-Agensi Pembangunan Wilayah. Tujuan utama Kerajaan menggalakkan industri kampung ialah untuk meningkatkan pendapatan masyarakat melalui penggunaan masa lapang secara produktif. Jika diatur dengan baik industri kampung boleh dijadikan kegiatan sepenuh masa. Di samping itu, industri kampung juga boleh meningkatkan kefahaman masyarakat kampung mengenai selok-belok perniagaan, serta peranan wang dan ekonomi dalam pembangunan. Industri kampung juga dapat mengurangkan penghijrahan pemuda-pemudi dari kampung ke bandar. Gejala penghijrahan menyebabkan negara kita mengalami kekurangan tenaga untuk mengusahakan bendang dan ladang-ladang di kawasan luar bandar, dan menyebabkan pertambahan pesat bilangan penduduk di bandar-bandar sehingga timbul pula masalah setinggian, kesesakan dan lain-lain

7. Pengeluaran dan pemasaran merupakan dua aspek penting berhubung dengan pembangunan industri kampung. Dari segi pengeluaran ianya perlu disusun dengan sedemikian rupa

supaya hasil industri kampung dapat dikeluarkan dengan banyak, selaras dengan permintaan dan selera pembeli, dan disediakan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini termasuklah menjamin ketinggian mutu, harga yang bersaing dengan keluaran negara-negara lain, dan ciptaan dan rekabentuk yang menarik.

8. Di dalam dunia yang serba moden ini adalah tidak memadai jika kita hanya membuat dan mengeluarkan sesuatu barang tanpa memberi penekanan kepada fakta-fakta yang dinyatakan tadi. Usaha kita tidak akan kemana-mana dan kita tidak akan dapat menandingi negara-negara lain jika kita tidak memberi perhatian kepada perkara-perkara ini. Zaman sekarang orang memandangi mutu. Itulah sebabnya di samping kita mahukan daya pengeluaran yang tinggi, kita mahukan keluaran industri-industri kampung kita diusahakan secara bersungguh-sungguh bagi menghasilkan keluaran yang bermutu tinggi. Begitu juga barang-barang yang dikeluarkan mestilah disesuaikan dengan kehendak pasaran, sama ada untuk dipasarkan di pasaran tempatan, atau kepada pelancung-pelancung dan seterusnya untuk dieskport.

9. Pertumbuhan dan kemajuan industri-industri kampung adalah berkait rapat dengan pasaran. Banyak kegiatan ekonomi masyarakat luar bandar tidak dapat berkembang oleh kerana mereka menghadapi masalah pasaran. Tanpa pasaran yang cekap dan sempurna, pengeluaran dari industri-industri kampung ini tidak akan ke mana-mana dan akhirnya akan mematikan semangat sahaja. Dalam soal ini, perhatian yang serius perlu diberikan kepada jenis-jenis pengeluaran yang harus digalakkan sebelum sesuatu usaha itu dibuat.

10. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menubuhkan tiga syarikat pemasaran yang bertanggungjawab untuk memasarkan hasil-hasil industri kampung. Syarikat-syarikat pemasaran tersebut ialah Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd., Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn. Bhd., dan Batek Malaysia Berhad. Saya harap ketiga-tiga syarikat ini akan bergerak cergas menerokai peluang-peluang perniagaan, mengadakan hubungan perdagangan dengan syarikat-syarikat di dalam dan luar negeri, menyalurkan hasil-hasil pembuatan pengusaha-pengusaha di kampung-kampung yang bermutu dan standad, membuat kajian-kajian pasaran, kajian permintaan dan kehendak-kehendak pelanggan dan pembeli, serta menggalakkan perniagaan. Apa yang saya harapkan ialah supaya ada keseimbangan di antara pengeluaran dan pasaran dan supaya dapat dipastikan keluaran industri kampung dapat dipasarkan secara berterusan. Hanya dengan cara inilah kita dapat memberi keyakinan kepada pengusaha-pengusaha bahawa usaha-usaha mereka berfaedah dan mendatangkan pendapatan. Tanpa keyakinan ini, usaha-usaha kita ini nanti mungkin menemui kegagalan.

11. Saya pernah menyatakan dahulu bahawa Kerajaan tidak bertujuan melalui agensi-agensinya dengan sendiri membangunkan industri-industri kampung, dengan orang-orang

kampung hanya sebagai pekerja. Tujuan sebenar ialah supaya orang-orang kampung sendiri memiliki dan mengendalikan perusahaan-perusahaan mereka. Ianya boleh diusahakan sama ada secara perseorangan, berkongsi atau bersyarikat, atau cara koperasi. Kerajaan akan melibatkan diri secara tidak langsung seperti mengenal pasti pengusaha-pengusaha yang sesuai, menyediakan jurulatih di mana perlu, melatih kemahiran pengurusan, menyediakan sumber-sumber pinjaman apabila pinjaman swasta tidak diperolehi, dan juga membekalkan bantuan-bantuan awal berhubung dengan pengurusan.

12. Kerajaan juga akan menubuhkan industri tunjang (core industry) bagi membuat kerja-kerja awal dan menyudahkan barang-barang tertentu. Misalnya, industri tunjang mungkin terlibat dengan pemotongan buluh dan rotan dan juga penggalian tanah liat sebagai kerja awal, dan kerja-kerja penyudahnya pula termasuklah pembungkusan hasil-hasil keluaran yang telah siap untuk dipasarkan. Apabila industri ini telah boleh berjalan dengan sendiri maka ianya akan diserahkan kepada penduduk-penduduk kampung itu sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Usaha-usaha menggalakkan pembukaan industri-industri kampung bukanlah sahaja menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi juga Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah memberi keutamaan kepada perancangan dan pelaksanaan industri kampung di negeri masing-masing. Penerangan-penerangan hendaklah diberi kepada penduduk-penduduk di luar bandar tentang semua aspek industri kampung dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk menjayakan rancangan ini. Saya mengharapkan supaya ada kerjasama yang erat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menjayakan rancangan ini.

14. Saya juga berharap semoga ahli-ahli politik, dan pegawai-pegawai kerajaan, seperti Penyelia-Penyelia dan Pemaju-Pemaju Masyarakat (KEMAS) hendaklah memainkan peranan yang aktif dalam menjayakan program ini. Penerangan mengenai semua aspek industri kampung hendaklah diberi kepada penduduk luar bandar dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjayakannya.

15. Adalah menjadi harapan saya agar kempen ini akan mendapat sambutan dari semua pihak, terumatamanya masyarakat luar bandar. Kejayaan kempen ini banyak bergantung kepada sikap pengusaha-pengusaha sendiri. Dengan usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh sahajalah kita akan memperolehi kejayaan.

16. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Kempen Kesedaran Rancangan Pembangunan Industri Kampung dan Karyaneka.
Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

